

11 APR 1997

Mahathir-Inflasi

MALAYSIA SERIUS KAWAL INFLASI, MAHATHIR BERITAHU PENIAGA BRITISH

KUALA LUMPUR, 11 April (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini memberitahu ahli-ahli perniagaan dan para pemimpin korporat British bahawa Malaysia serius dalam usaha-usaha mencapai kadar inflasi sifar.

Kata beliau: "Kami telah mengawal inflasi dengan serius di negara ini dan matlamat kami ialah untuk menurunkan ke satu paras yang boleh diterima sehingga kami mencapai inflasi sifar."

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan yang dibangkitkan dalam sesi dialog di mesyuarat bersama Persatuan British Malaysia dan Persatuan Malaysia British di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini hari ini.

Seorang ahli perniagaan British mahu mengetahui mengenai rahsia disebalik kejayaan Malaysia mengawal inflasi dan mengekalkannya pada kadar serendah tiga setengah peratus.

Dr Mahathir berkata tidak ada sebab untuk inflasi berlaku dan oleh itu tidak perlu ada kenaikan harga barang-barang, terutamanya barang-barang keperluan.

"Untuk mencapai sasaran inflasi sifar, perkara utama yang perlu dilakukan ialah memastikan kos pengeluaran kekal rendah supaya kerajaan dapat menaikkan gaji para pekerjanya," kata beliau.

"Kita akan terus berusaha mengurangkan inflasi kerana sekiranya gaji dinaikkan tetapi kuasa membeli seperti lama juga, ia tidak bermakna," tambah beliau.

Perdana Menteri berkata Malaysia bernasib baik kerana kesatuan-kesatuan sekerjanya faham sepenuhnya mengenai situasi itu dan kerajaan selalu memaklumkan kepada mereka bahawa adalah sukar untuk mengawal harga barang-barang yang diimport.

Kata beliau sebenarnya inflasi dan penurunan nilai wang adalah perkara yang sama, bagaimanapun kerajaan berazam untuk bekerja keras untuk mengawal inflasi.

Pengerusi Persatuan Malaysia-British, Lord Prior, memuji Dr Mahathir kerana merasmikan mesyuarat bersama itu walaupun difahamkan Perdana Menteri mengalami selesma selepas jadual lawatan yang ketat ke Bahrain, Kuwait dan Pakistan.

"Ahli-ahli politik yang lain akan meminta untuk tidak hadir, tetapi Dr Mahathir yang saya kenali tidak berbuat demikian. Bagaimanapun saya ingin menasihatinya supaya jangan berkerja terlampau kuat," kata Prior yang juga pengerusi General Electric Company, GEC.

Pengerusi Persatuan British Malaysia ialah Tan Sri Zainal Abidin Sulong. -- BRNAMA

ZAB WAT